

23 SEP 2000

GERAKAN HARGAI PANDANGAN JAUH DR MAHATHIR, KATA KENG YAIK

PULAU PINANG, 23 Sept (Bernama) -- Parti Gerakan menghargai pandangan jauh dan kematangan politik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di dalam mengekalkan parti itu untuk mengetuai kerajaan BN di negeri ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, ini adalah kerana parti itu telah menunjukkan keupayaannya pada pilihan raya umum 1999.

Gerakan menang 10 daripada 11 kerusi yang ditandinginya dan tewas hanya satu kerusi dan itupun dengan majoriti yang kecil, katanya pada persidangan media pada akhir Persidangan Perwakilan Nasional 2000 parti itu di sini hari ini.

Dr Lim berkata Perdana Menteri sepatutnya tidak memberikan jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang kepada Gerakan selepas pilihan raya umum 1990 apabila parti itu hanya memenangi tujuh kerusi sedangkan Umno menang 12 kerusi.

MCA pula tewas kesemua sembilan kerusi yang ditandinginya pada pilihan raya umum itu.

Beliau berkata Dr Mahathir bagaimanapun mengekalkan status quo dan hasilnya BN menang 32 daripada 33 kerusi yang ditandingi pada pilihan raya umum 1995 manakala pada pilihan raya umum yang lalu, BN menang 30 daripada 33 kerusi.

-- BERNAMA

AHM AKD